

Pelarasan Akaun Nominal (Belanja Belum Bayar dan Hasil Belum Terima)

Aktiviti 5

Baki-baki yang berikut diambil daripada buku-buku Kedai Runcit Amsyar pada 31 Disember 2020.

	RM
Modal pada 1 Januari 2020	60 220
Angkutan keluar	320
Gaji	5 400
Premis (kos)	50 000
Insurans	4 800
Kadar bayaran	590
Akaun belum bayar	4 450
Komisen diterima	340
Belian	20 800
Jualan	47 773
Belanja am	510
Pulangan jualan	220
Perabot (kos)	6 030
Tunai	560
Angkutan masuk	300
Inventori pada 1 Januari 2020	10 060
Pulangan belian	1022
Ambilan	281
Bank	6810
Akaun belum terima	7124

Maklumat Tambahan:

1. Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM12 590 pada harga kos dan RM13 450 pada harga pasaran.
2. Kadar bayaran masih belum dibayar RM250.
3. Gaji belum bayar RM1800.
4. Belanja am belum dibayar RM230.
5. Angkutan keluar belum dibayar RM50.
6. Komisen belum diterima RM120

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

PENGIRAAN:

1 Inventori akhir =

2 Kadar bayaran belum bayar =

Kadar bayaran =

3 Gaji belum bayar =

Gaji =

4 Belanja am belum bayar =

Belanja am =

5 Angkutan keluar belum bayar =

Angkutan keluar =

6 Komisen belum terima =

Komisen diterima =